

## Sime Darby Property Capai Prestasi Kewangan Tertinggi dalam Sejarah bagi TK2024

- Pencapaian rekod dengan pendapatan, keuntungan operasi, keuntungan sebelum cukai & jualan tertinggi dalam sejarah;
- Pendapatan meningkat kepada RM4.3 bilion, mencatat pertumbuhan 24% YoY
- Keuntungan operasi sebanyak RM899.8 juta (+48% YoY) dan PBT sebanyak RM780.0 juta (+28% YoY);
- Margin keuntungan operasi tertinggi dicapai pada 21%, didorong oleh produk perindustrian;
- Jualan mencecah RM4.1 bilion, melebihi sasaran TK2024 sebanyak 17% (+23% YoY)
- Jualan belum dibil sebanyak RM3.7 bilion, disokong oleh campuran produk yang seimbang dan pelbagai;
- Pelan pelancaran yang mampan dan optimum dengan jumlah GDV pelancaran sebanyak RM4.2 bilion;
- Nilai pajakan sebanyak RM7.6 bilion berjaya diperolehi daripada projek pusat data di Elmina Business Park, yang memperkukuhkan portfolio pendapatan berulang;
- Nisbah hutang bersih sebanyak 24.3% kekal kukuh untuk pertumbuhan bersama aliran tunai operasi yang bertambah baik kepada RM495.2 juta;
- Jumlah dividen yang diisytiharkan untuk TK2024 adalah sebanyak 3.0 sen sesaham.

**ARA DAMANSARA, 26 FEBRUARI 2025** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan prestasi kewangan dan operasi terbaik dalam sejarahnya, menandakan tahun ketiga berturut-turut pencapaian rekod untuk pendapatan, keuntungan dan jualan. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (“TK2024”), Syarikat mencatatkan hasil sebanyak RM4.3 bilion, yang merupakan peningkatan 24% tahun ke tahun (“YoY”). Keuntungan operasi (“OP”) melonjak 48% kepada RM899.8 juta, manakala keuntungan sebelum cukai (“PBT”) meningkat 28% kepada RM780.0 juta. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat 23% YoY kepada RM502.2 juta, berbanding RM407.9 juta pada tahun sebelumnya. Sime Darby Property telah mengisytiharkan dividen keseluruhan sebanyak 3.0 sen sesaham bagi TK2024.

Prestasi kewangan Syarikat yang kukuh didorong oleh momentum jualan yang berterusan dan kemajuan pembangunan yang lebih tinggi dalam segmen Pembangunan Hartanah (“PD”), serta peningkatan sumbangan hasil daripada segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management* atau “IAM”) dan *Leisure*. Jualan mencapai paras tertinggi dalam sejarah sebanyak RM4.1 bilion, melebihi sasaran FY2024 sebanyak 17%, yang membuktikan keupayaan Syarikat untuk menawarkan produk yang memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berkembang.

## UNTUK SIARAN SEGERA

---

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican berkata, "Keputusan TK2024 kami mengukuhkan lagi kekuatan portfolio kami yang pelbagai dan kejayaan pelaksanaan strategi SHIFT25. Kami sekali lagi telah melangkaui jangkauan, merebut peluang pasaran secara strategik untuk mencapai satu lagi tahun dengan prestasi tertinggi dalam sejarah. Kejayaan mencatatkan hasil, OP, dan PBT tertinggi serta melepasi RM4.0 bilion dalam jualan buat pertama kali membuktikan keupayaan kami untuk memacu pertumbuhan mampan dan meningkatkan nilai bagi pemegang kepentingan kami."

### **TK2024 vs TK2023**

Segmen Pembangunan Hartanah kekal sebagai penyumbang terbesar dengan hasil dan PBT masing-masing meningkat kepada RM4.0 bilion dan RM820.8 juta, yang merupakan peningkatan 24% dan 38% berbanding TK2023 – pencapaian tertinggi dalam sejarah Syarikat. Segmen IAM juga mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan pendapatan meningkat 29% YoY kepada RM139.2 juta, disokong oleh sumbangan padu daripada KL East Mall dan Elmina Lakeside Mall yang mencapai kadar penghunian sebanyak 99.5%. Walau bagaimanapun, segmen ini terus menghadapi cabaran akibat kerugian nilai saksama bersih ke atas hartanah pelaburan serta perkongsian kerugian lebih tinggi daripada usaha sama. Segmen *Leisure* pula mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 7% YoY kepada RM100.0 juta, didorong oleh pertumbuhan aktiviti jamuan/F&B, keahlian dan golf, serta kejayaan penganjuran Kejohanan LPGA-Maybank untuk tahun kedua berturut-turut di Kuala Lumpur Golf & Country Club pada Oktober 2024.

### **Pelancaran dan Jualan TK2024**

Syarikat melancarkan produk bernilai RM4.2 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar ("GDV"), melebihi sasaran RM3.9 bilion. Portfolio pelancaran yang pelbagai menyaksikan produk kediaman bertingkat tinggi (*residential high-rise*) sebagai penyumbang utama (39%), diikuti perindustrian (38%), kediaman bertanah (15%), dan komersial (7%). Pelancaran utama seperti Elmina Ridge di Bandar Elmina dan The Ophera di KLGCC Resort mencapai kadar pengambilan masing-masing sebanyak 98% dan 83% (setakat 31 Januari 2025). Pelancaran produk perindustrian juga mencatatkan permintaan kukuh dengan Signature Collection di Elmina Business Park melebihi kadar pengambilan 89%, manakala produk komersial mencatatkan kadar pengambilan purata sebanyak 94%.

TK2024 merupakan tahun yang mencatatkan rekod dengan jualan tertinggi dalam sejarah sebanyak RM4.1 bilion, melebihi RM4.0 bilion buat pertama kali dan 17% lebih tinggi daripada

## UNTUK SIARAN SEGERA

---

sasaran RM3.5 bilion. Kediaman bertingkat tinggi mendahului buat pertama kali dengan sumbangan 31%, diikuti perindustrian (30%), kediaman bertanah (24%) dan komersial (12%), yang meningkat dengan ketara daripada 2% pada TK2023. Secara keseluruhan, jumlah tempahan setakat 9 Februari 2025 adalah sebanyak RM2.0 bilion.

### **Pencapaian Kewangan / Operasi Lain**

Setakat 31 Disember 2024, jualan belum dibil Sime Darby Property meningkat kepada RM3.7 bilion, yang memberikan jaminan pendapatan kukuh untuk tiga tahun akan datang. Nilai GDV yang belum terjual bagi inventori siap kekal rendah pada RM208.8 juta, manakala baki tunai berada pada tahap sihat sebanyak RM640.4 juta. Kedudukan kewangan Syarikat diperkukuhkan lagi dengan nisbah hutang bersih yang stabil pada 24.3%, memberikan fleksibiliti kewangan bagi pertumbuhan berterusan.

Sime Darby Property mencapai pencapaian penting melalui kerjasama strategik dengan Google dalam sektor pusat data berprestasi tinggi. Terletak di Elmina Business Park, perkongsian ini memanfaatkan lokasi strategik dan infrastruktur kukuh Elmina, menjadikannya destinasi pilihan untuk syarikat teknologi global. Dua pusat data yang meliputi 126 ekar dengan nilai pajakan 20 tahun berjumlah RM7.6 bilion mengukuhkan keupayaan Kumpulan untuk membangun, menyewa dan menyampaikan aset kritikal, meningkatkan pendapatan berulang dan mengembangkan Aset di Bawah Pengurusan (*Asset Under Management* atau "AUM") selaras dengan strategi SHIFT25.

Sebagai mengiktiraf kejayaannya, Syarikat memperoleh 51 anugerah pada TK2024, termasuk dinamakan sebagai pemaju hartanah No. 1 Malaysia di *The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024*, menekankan kepimpinan, inovasi dan komitmennya terhadap kemampanan.

### **Dividen**

Sime Darby Property telah mengisytiharkan dividen satu peringkat kedua sebanyak 1.5 sen sesaham untuk Q4 TK2024, yang menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan ini sebanyak 3.0 sen sesaham, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM204.0 juta.

### **Prospek Untuk TK2025**

Sime Darby Property bersedia untuk meneruskan pertumbuhan dalam TK2025, didorong oleh perkembangan ekonomi Malaysia dan momentum berterusan dalam sektor hartanah. Dengan

## UNTUK SIARAN SEGERA

---

sasaran jualan sebanyak RM3.6 bilion dan pelancaran yang dirancang bernilai RM4.0 bilion dalam GDV, Syarikat kekal fokus dalam pelaksanaan strategi SHIFT25 dengan menawarkan produk bernilai tinggi di seluruh perbandarannya.

Dato' Seri Azmir Merican menyimpulkan, "Walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi global dan ketegangan perdagangan, kami berada dalam kedudukan kukuh untuk mengekalkan momentum dan merebut peluang baharu. Dengan tumpuan yang jelas terhadap inovasi, kecekapan operasi, dan kelestarian, kami bersedia untuk memacu fasa pertumbuhan seterusnya di bawah strategi SHIFT25. Kami tetap teguh dalam komitmen untuk memberikan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan kami, dengan matlamat jelas untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet."

**-TAMAT SIARAN-**

### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampunan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselai oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)  
Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)  
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)